



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BIL. 52 / 2019

SEMUA PIHAK DIGESA PATUHI UNDANG-UNDANG, PERATURAN DAN ETIKA KEMPEN PILIHAN RAYA SEMASA PRK PARLIMEN P.186 SANDAKAN

1. Semua pihak yang terlibat dalam aktiviti berkempen pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen P.186 Sandakan diingatkan agar sentiasa mematuhi semua undang-undang, peraturan dan etika pilihan raya sepanjang tempoh kempen pilihan raya yang bermula selepas perisytiharan calon pada **27 April 2019** sehingga jam **11.59 malam, 10 Mei 2019**.
2. SPR ingin mengingatkan bahawa sebarang aktiviti kempen seperti penjamuan makanan dan minuman serta pemberian hadiah, samada di dalam bentuk barangan ataupun wang untuk secara rasuah mempengaruhi pengundi untuk memberikan atau tidak memberikan undi merupakan kesalahan di bawah Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954.
3. Perlu juga diingatkan bahawa apa-apa tindakan ataupun pernyataan yang mengganggu mana-mana pengundi daripada menjalankan hak pilihannya secara bebas juga merupakan satu kesalahan di bawah Akta yang sama, khususnya: -

- a) Tindakan atau pernyataan yang bertujuan ataupun cenderung untuk mengembangkan perasaan jahat, tidak puas hati ataupun permusuhan antara kaum;
 - b) Tindakan atau pernyataan yang mengancam hendak menggunakan kekerasan, keganasan ataupun halangan ke atas pengundi;
 - c) Tindakan atau pernyataan yang mengancam hendak mengenakan apa-apa bencana, kecacatan, kerosakan atau kerugian keduniaan ataupun kerohanian ke atas pengundi; dan
 - d) Tindakan atau pernyataan yang mendorong mana-mana pengundi supaya mempercayai dia atau mana-mana orang akan menjadi seorang yang dimurkai Tuhan atau yang dicela kerohaniannya.
4. SPR juga ingin memperingatkan calon ataupun parti yang diwakili calon agar tidak menyalahgunakan aset kerajaan ataupun menyalahgunakan kuasa kerajaan untuk meraih undi.
5. Calon-calon dan juga pihak-pihak yang terlibat di dalam aktiviti berkempen hendaklah berkempen secara berhemah dan mengikut etika kempen yang menjamin keharmonian masyarakat. Segala arahan pihak yang berkuasa, terutamanya dari SPR, SPRM ataupun PDRM hendaklah sentiasa dipatuhi.

6. Mana-mana pihak yang mempunyai maklumat ataupun apa-apa keterangan mengenai apa-apa pelanggaran undang-undang oleh mereka yang terlibat di dalam aktiviti kempen disarankan untuk melaporkan perkara tersebut kepada pihak berkuasa yang berkenaan. Sehubungan dengan ini, apa-apa perbuatan yang melibatkan amalan rasuah haruslah dilaporkan kepada SPRM. Manakala bagi kesalahan-kesalahan lain di bawah Akta Kesalahan Pilihan Raya atau di bawah Kanun Keseksaan hendaklah dilaporkan kepada PDRM.

7. Semua pihak diingatkan bahawa sebarang bentuk kempen atau aktiviti merayu undi adalah dilarang pada hari mengundi. Ini termasuklah melalui saluran media sosial. Kesemua parti adalah dilarang untuk membuka, membina atau menyenggarakan pejabat atau barung semasa Hari Mengundi.

8. SPR berharap semua pihak mematuhi undang-undang, peraturan dan etika kempen pilihan raya di PRK tersebut bagi memastikan kelancaran proses pilihan raya dan tidak menggugat ketenteraman dan keselamatan awam.

Sekian, terima kasih.

AZHAR AZIZAN HARUN

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia

Tarikh: 26 April 2019 / 20 Syaaban 1440H